

KATA ARAH

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1 Kebajikan anak-anak di _____ tanggungan ibu bapa.

A sudut B dalam C depan D bawah

2 Pei Shy menyimpan nombor telefon kawan baiknya ke _____ telefon bimbit.

A sisi B dalam C penjuru D puncak

3 Pak Nordin menebas semak di _____ rumahnya.

A atas B sudut C pinggir D belakang

4 Kawasan perkelahan itu terletak di _____ sungai.

A hilir B antara C bawah D penjuru

5 Bapa berdiri di _____ kereta sambil berbual-bual dengan kawannya.

A tepi B dalam C hujung D pinggir

6 Terdapat dua bilah gunting di _____ kotak itu.

A hilir B luar C hulu D dalam

7 Budak itu memasang barang hiasan di _____ pensel barunya.

A hujung B puncak C dalam D hadapan

8 Peragawan dan peragawati itu sedang memperagakan pakaian rekaan Bernard Tan di _____ pentas.

A utara B bawah C atas D sudut

9 Di _____ sungai itu ada sebuah pondok usang.

A puncak B dalam C atas D seberang

10 Beberapa orang pemain berkumpul di _____ gelanggang bola keranjang.

A tepi B celah C selatan D tengah

11 Beberapa buah beg diletakkan di _____ kelas 6C.

A penjuru B hilir C hulu D utara

12 Jonathan berdiri di _____ kuda yang hendak ditunggangnya.

A sisi B hulu C selatan D utara

13 Pengawas itu berdiri di _____ murid -murid Tahun 4 Maju semasa perhimpunan dijalankan.

A sudut B pinggir C pangkal D hadapan

14 Petani bertungkus-lumus menuai padi di _____ cahaya matahari yang terik.

A segi B atas C bawah D puncak

- 15 Sazali duduk di _____ ibu dan kakaknya semasa menonton televisyen.
A hilir B hulu C hujung D antara
- 16 Mantel merupakan lapisan _____ Bumi yang bersuhu 2000 °C hingga 4000°C.
A luar B tepi C hujung D tengah
- 17 Tompok-tompok hitam di _____ permukaan roti itu ialah kulat.
A sisi B atas C dalam D pangkal
- 18 Matahari terbit di sebelah _____ dan terbenam di sebelah barat.
A atas B timur C utara D selatan
- 19 Udara di _____ bukit itu nyaman dan dingin.
A sudut B hujung C puncak D penjuru
- 20 Jamal memasukkan surat ke _____ sampul surat sebelum mengeposkannya.
A luar B celah C dalam D seberang
21. Di _____ bilik ruang tamu itu terdapat sejambak gubahan bunga yang sungguh cantik.
A celah B atas C puncak D dalam
- 22 Negeri Johor terletak di _____ Semenanjung Malaysia.
A. selatan B. bawah C tengah D atas
- 23 Sebagai pendaki profesional, setakat ini sudah lima kali Amirul sampai ke _____ Gunung Kinabalu.
A. atas B hujung C pinggir D puncak
- 24 Pejabat pos itu terletak di _____ sebuah bank dengan sebuah kedai perabot.
A sisi B antara C pangkal D penjuru
- 25 Ikan-ikan peliharaan Stanly berenang-renang di _____ batu dan tumbuhan hiasan.
A. atas B. celah C. sudut D. hadapan